

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 APRIL 2017

Tun M jangan politikkan ekonomi negara – DPMM

UM - 18/4/2017

MELAKA 17 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta supaya tidak mempolitikkan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi khususnya perancangan kerajaan untuk melaksanakan pembangunan, termasuk pembinaan projek mega Melaka Gateway.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Melaka, Abd. Halim Husin berkata, apabila perkara berkaitan ekonomi dipolitikkan, ia akan merosakkan usaha pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan dan secara tidak langsung ia akan merugikan negara.

Sambil menyifatkan tuduhan Dr. Mahathir itu sebagai tidak berasas, beliau memberitahu, usaha kerajaan negeri melaksanakan projek mega berkenaan bukan bererti kedaulatan negara telah digadaikan sebaliknya ia satu perancangan yang teliti bagi menarik pelabur asing ke negara ini.

“Projek mega Melaka Gateway yang bernilai RM43 bilion itu adalah usaha kerajaan menarik pelabur di peringkat antarabangsa di mana kerajaan sedang berusaha menyediakan permintaan pelabur dari China yang berminat untuk datang ke negara ini.

“Sepatutnya kita sebagai rakyat Malaysia berbangga kerana projek berkenaan sedang dalam pembinaan dan pada masa yang sama kita sudah mampu menarik

minat pelabur khususnya dari negara maju seperti China,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron semalam mempersoalkan tindakan Dr. Mahathir apabila memberitahu, projek mega berkenaan juga merupakan antara usaha untuk mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan sendiri oleh bekas Perdana Menteri berkenaan sebelum ini.

Kenyataan Idris itu dibuat selepas Dr. Mahathir dilihat seperti terlepas pandang beberapa fakta dengan mengkritik projek berkenaan sebagai satu lagi petanda kerajaan Persekutuan menyerahkan kedaulatan negara kepada China demi manfaat politik jangka pendek.

Menurut Abd. Halim, DPMM Melaka menyokong usaha membangunkan projek Melaka Gateway kerana dengan pelaburan cari negara China, Melaka akan menjadi hab perdagangan yang terkenal di rantau ini termasuk laluan kepada pelabur dari benua lain seperti Eropah dan Afrika.

“Suatu ketika dahulu Melaka terkenal sebagai pelabuhan antarabangsa namun peranannya telah diambil alih oleh Singapura



ABD. HALIM HUSIN

sejak 40 tahun lalu dan ini merupakan usaha untuk mengembalikan kegemilangan pelabuhan Melaka menjadi pesat seperti sejarah kewujudannya sebelum ini,” kata beliau.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Melaka, **Datuk Zali Mat Yasin** berkata, Dr. Mahathir cuba

mengelirukan rakyat dengan mempolitikkan isu berkaitan ekonomi sedangkan akibatnya ia bakal merugikan rakyat di negeri ini.

“Sejak zaman beliau menjadi perdana menteri dahulu pun kerajaan sentiasa berusaha menarik pelabur asing datang ke negara ini melalui pelbagai projek yang diwujudkan jadi apa bezanya projek mega yang diusahakan ini di mana kepentingannya adalah bagi meningkatkan ekonomi negeri seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan,” jelasnya.

Beliau berkata, sekiranya Melaka tidak mengambil peluang melaksanakan projek mega berkenaan sudah pasti ia satu kerugian malah kerajaan Persekutuan mempunyai dasar iaitu berusaha meningkatkan ekonomi negara namun tidak sampai kepada tahap menyerahkan kedaulatan negara kepada China.